

TARIKH	AHAD, 21 NOVEMBER 2021
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	BENIH PADI BAHARU IS21 KURANGKAN KEBERGANTUNGAN BERAS IMPORT
M/S	6
BIDANG	NUKLEAR MALAYSIA
KATA KUNCI	MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY

Benih padi baharu IS21 kurangkan kebergantungan beras import

SABAK BERNAM – Penghasilan benih padi baharu, IS21 dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada beras import pada masa depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, inisiatif penghasilan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu merupakan salah satu usaha pelengkap dalam meningkatkan sekuriti makanan negara selaras hasrat kerajaan bagi meningkatkan tahap sara diri padi negara.

“Benih padi ini berdaya tahan tinggi terhadap cuaca yang tidak menentu dan mempunyai rintang terhadap beberapa penyakit padi yang sering menyerang dan merugikan pesawah.

“Selain itu, baka padi IS21 ini juga berpotensi memberi hasil tuai yang tinggi dan dapat meningkatkan pendapatan para pesawah jika diurus dengan baik mengikut garis panduan yang disyorkan kerajaan.

“IS21 mampu mengeluarkan hasil padi sehingga sembilan tan sehektar mengikut kawasan penanaman dan dapat mengurangkan kos penanaman sebanyak 10 hingga 20 peratus kerana penggunaan baja dan racun perosak



PENGHASILAN benih padi IS21 mampu meningkatkan sekuriti makanan negara selaras dengan hasrat kerajaan bagi meningkatkan tahap sara diri padi negara. – GAMBAR HIASAN

yang kurang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan benih padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi, Sekinchan, di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Menteri MOSTI, Datuk Seri Dr. Adham Baba.

Katanya, baka padi IS21 itu

salah satu projek teknologi berimpak tinggi MOSTI menerusi Agensi Nuklear Malaysia mendapat pengiktirafan bagi Anugerah Pencapaian dalam Bidang Biak Baka Mutasi Tanaman daripada International Atomic Energy Agency dan Food and Agriculture Organisation sempena Persidangan Agung kali ke-65 di Vienna, Austria baru-baru ini.